



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 9 OGOS 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KPKM SOKONG PROJEK PENGELUARAN KERBAU DI SARAWAK, HM -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	MESYUARAT KHAS SOM AMAF KE-45 SETUJU PERCEPAT PELAN STRATEGIK KERJASAMA MAKANAN, PERTANIAN DAN PERHUTANAN, BERNAMA -ONLINE	
3.	KUKUH KESELURUHAN RANTAIAN BEKALAN, NASIONAL, SH -9	
4.	PARAS AIR TASIK BUKIT MERAH MENINGKAT, DALAM NEGERI, UM -30	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA)
5.	USAHA TANAH TERBIAR DENGAN AKTIVITI PERTANIAN, DALAM NEGERI, UM -32	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/8/2024	HARIAN METRO	ONLINE	

KPKM sokong projek pengeluaran kerbau di Sarawak



MOHAMAD Sabu, gambar fail. FOTO Bernama
BERNAMA

Lawas: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyokong usaha kerajaan Sarawak dalam memajukan projek pengeluaran tenusu dan pedaging kerbau di kawasan Meragang, bahagian utara negeri itu.

Menterinya Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, usaha itu dilihat mampu meningkatkan bekalan pedaging tempatan sekali gus memastikan negara mampu mengurangkan kebergantungan terhadap import daging.

"Malaysia masih jauh ketinggalan dalam pengeluaran daging tempatan dengan negara kini hanya mampu memenuhi 15 peratus daripada keperluan.

"Sebanyak 85 peratus daripada bekalan daging perlu diimport, ini menunjukkan keperluan mendesak untuk meningkatkan pengeluaran daging tempatan khususnya kerbau dan lembu pedaging," katanya ketika berucap pada majlis Santai KPKM bersama Penternak, Petani dan Nelayan di sini malam ini.

Mohamad berkata, Lawas kini dilihat sebagai kawasan yang berpotensi tinggi untuk pelaburan dalam sektor pertanian dan penternakan.

Justeru, beliau menyeru masyarakat tempatan mengambil peluang dalam program Komuniti Madani bagi merencanakan aktiviti ekonomi yang membabitkan lima sektor tumpuan iaitu pertanian dan makanan, jahitan dan kraf tangan, herba dan kesihatan, pelancongan dan hospitaliti serta aktiviti hijau dan kitar semula.

"Setakat ini, hanya kurang 10 peratus daripada peruntukan RM1 bilion yang disediakan telah dibelanjakan. Oleh itu, diharapkan semua pihak dapat memainkan peranan dalam memastikan peruntukan ini digunakan sebaik mungkin bagi meningkatkan pendapatan dan keselamatan makanan negara," katanya.

Pada majlis itu, Mohamad turut menyampaikan geran Program Usahawan Kerbau yang bernilai RM1.7 juta kepada 10 penerima, Lesen Sampan Khas Daerah Lawas kepada 38 penerima dan Bantuan Kluster Ternakan Ikan Dalam Sangkar Air Payau serta Bantuan Input Ternakan dan Peralatan kepada enam penerima bernilai lebih RM370,000.

Pagi tadi, Mohamad mengadakan kunjungan hormat ke atas Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan Brunei Datuk Seri Setia Abdul Manaf Metussin di Bandar Seri

Begawan dan menjemput beliau secara peribadi untuk menghadiri Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) bermula 11 hingga 22 Sept ini.

Pada sebelah petang pula, Mohamad mengadakan lawatan kerja ke Stesen Ternakan Kerbau di kawasan Maragang yang terletak 28 kilometer dari pekan Lawas sempena konvoi Jelajah Road To MAHA 2024 @Sarawak bermula hari ini hingga Ahad membabitkan Brunei, Lawas dan berakhir di Miri.

Sementara itu, KPKM dalam kenyataan memaklumkan Jelajah Road To MAHA 2024 @Sarawak menampilkan pelbagai aktiviti termasuk menerokai kawasan menarik dan berpotensi dalam menghasilkan teknologi moden pertanian, agropelancongan dan mengadakan sesi dialog serta libat urus bersama petani, penternak dan nelayan tempatan.

Menurut kenyataan itu, program tersebut juga menjadi platform untuk membina jaringan antara pelbagai pihak berkepentingan yang terlibat dalam rantai nilai pertanian dan ia merupakan kesinambungan daripada Road To MAHA 2024 @Sabah pada Julai lepas.

"Program jelajah ini bertujuan mempromosikan MAHA 2024 sebagai satu ekspo pertanian terbesar merangkumi pameran teknologi terbaharu, pemodenan dan pertanian pintar serta solusi hijau yang akan menentukan arah baru sektor agrikultur Malaysia," menurut kenyataan itu.

taip untuk carian



AM > BERITA

Mesyuarat Khas SOM AMAF Ke-45 Setuju Percepat Pelan Strategik Kerjasama Makanan, Pertanian Dan Perhutanan

🕒 08/08/2024 03:56 PM



Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Lokman Hakim Ali (tengah) mempengerusikan Mesyuarat Khas Pegawai-Pegawai Kanan Ke-45 Bagi Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN di sini hari ini.

JOHOR BAHRU, 8 Ogos (Bernama) -- Mesyuarat khas Pegawai Kanan Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN kali ke-45 (SOM-45th AMAF) bersetuju untuk mempercepatkan pembangunan Wawasan dan Pelan Strategik ASEAN Pasca 2025 untuk Kerjasama Makanan, Pertanian dan Perhutanan.

Mesyuarat tiga itu berakhir di sebuah hotel di sini.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) Datuk Lokman Hakim Ali yang mempengerusikan mesyuarat itu, menggalakkan semua negara anggota ASEAN menyegerakan usaha pembangunan Visi dan Pelan Strategik Pasca 2025 yang mantap.

Dalam satu kenyataan, kementerian memaklumkan kerja penting ini bukan sekadar latihan yang berpandangan jauh, tetapi juga keperluan strategik yang akan membentuk masa depan keselamatan makanan ASEAN, daya tahan pertanian dan kelestarian alam sekitar.

"Pelan Strategik itu akan merangkumi isu-isu terkini seperti pendigitalan dalam pertanian serta amalan inovatif lain bagi menangani kedua-dua trend serantau dan global," menurut kementerian.

Kementerian memaklumkan bahawa semasa mesyuarat tersebut, 13 Kumpulan Kerja di bawah bidang kuasa SOM-AMAF telah melaporkan hasil kerja mereka dan kemajuan aktiviti kerjasama dalam sektor makanan, pertanian dan perhutanan, perdagangan dalam pertanian, serta hasil hutan.



"Laporan mesyuarat ini telah berjaya disahkan oleh SOM-AMAF," katanya.

Malaysia menyampaikan laporan untuk lima daripada 13 Kumpulan Kerja, termasuk Mesyuarat Ke-12 Pusat Perhubungan SPS ASEAN, Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Ke-13 mengenai Perubahan Iklim dan Keselamatan Makanan, serta Mesyuarat Lembaga Pengelola Pertama Pusat Penyelaras ASEAN bagi Kesihatan Haiwan dan Zoonosis (ACCAHZ).

Malaysia juga menyampaikan laporan untuk Mesyuarat Ke-32 Kumpulan Kerja Sektor ASEAN mengenai Perikanan (ASWGFI) dan Mesyuarat Ke-30 Kumpulan Kerja Sektor ASEAN mengenai Latihan dan Pendidikan (AWGATE).

Ia memaklumkan bahawa penyampaian utama di bawah kumpulan kerja yang dipengerusikan oleh Malaysia merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, pelaksanaan sijil fitosanitasi elektronik di ASEAN, peningkatan kapasiti analisis sisa racun perosak, pelaksanaan langkah dan inisiatif menggunakan teknologi digital serta kaedah penyahkarbonan untuk menangani kesan perubahan iklim dalam sektor tanaman, perikanan, dan ternakan, serta penubuhan pusat kesihatan haiwan dan zoonosis di Malaysia.

Menurut KPKM, Malaysia juga membentangkan Cadangan Keutamaan Ekonomi Deliverables (PED) sempena dengan Pengerusi AMAF ke-45 Malaysia, bertemakan "*Growing Together: Advancing ASEAN Agriculture and Forestry for Sustainable Development*, serta sebagai Pengerusi ASEAN pada 2025.

Ia memaklumkan cadangan PED yang dibentangkan oleh Malaysia dan disokong untuk kerja selanjutnya oleh SSOM-45th AMAF adalah: Pembangunan Tinjauan untuk Pertanian dan Perhutanan ASEAN, serta Pembangunan Pelan Tindakan Mengenai Keselamatan Makanan (2026-2030).

"PED ini diterima baik oleh negara anggota ASEAN yang lain dan disifatkan sebagai dokumen kritikal yang akan mengemudi prospek sektor pertanian dan perhutanan untuk lima tahun akan datang, serta untuk mengurangkan kesan buruk perubahan iklim terhadap keselamatan makanan di rantau ini," menurut kementerian.

-- BERNAMA

2024 Southeast Asian Healthcare and Pharma Show



BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).

Ikuti kami di media sosial :

Facebook : [@bernamaofficial](#), [@bernamatv](#), [@bernamaradio](#)

Twitter : [@bernama.com](#), [@BernamaTV](#), [@bernamaradio](#)

Instagram : [@bernamaofficial](#), [@bernamatvofficial](#),

[@bernamaradioofficial](#)

TikTok : [@bernamaofficial](#)

KATA KUNCI

asean

khos som-45th amat

visi pasca 2025

kumpulan kerja

laporan

ped

BERITA BERKAITAN



Hari ASEAN Ke-57 : PM Anwar Seru Perpaduan Untuk Rantau Yang Aman Dan Makmur

🕒 9jam lalu

Kukuh keseluruhan rantaian bekalan

Malaysia, negara anggota ASEAN utamakan keterjaminan makanan, cabaran perubahan iklim

Oleh NOR AZURA MD AMIN
JOHOR BAHRU

Keterjaminan makanan di rantau ASEAN dan cabaran perubahan iklim menjadi keutamaan Malaysia dan negara anggota ASEAN.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, keperluan dalam menangani cabaran tersebut melibatkan pengukuhan keseluruhan rantaian bekalan kepada pengguna.

"Ia termasuk meningkatkan skala keupayaan pengeluaran petani-petani kecil bersandarkan kelebihan dan kekuatan negara anggota ASEAN serta usaha mengharmonikan pemeriksaan ke atas keselamatan makanan," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Beliau sebelum itu menyertai Mesyuarat Pegawai Kanan Khas



Mesyuarat Pegawai Kanan Khas Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Pertanian dan Perhutanan ke-45 (SOM-45th AMAF) berlangsung di Hotel DoubleTree by Hilton, Johor Bahru.

Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Pertanian dan Perhutanan Ke-45 (SOM-45th AMAF) yang berlangsung pada Khamis di Hotel DoubleTree by Hilton di sini.

Arthur Joseph turut mengadakan satu sesi pertemuan dengan pemimpin SOM ASEAN, Satvinder Singh bagi membincangkan dua keberhasilan utama ekonomi (PEDs) bagi sektor makanan, pertanian dan perhutanan di bawah

badan sektoral Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN (AMAF) Mesyuarat ke-45 AMAF dan juga bersempena Kepengerusian ASEAN 2025 yang akan dipengerusikan Malaysia.

Dalam pertemuan kedua-dua pihak ini, Sekretariat ASEAN telah berkongsi pandangan berhubung dua PEDs Malaysia iaitu The Development of Outlook on Agriculture and Forestry dan

The Development of Plan of Action on Food Security (2026-2030) serta membincangkan tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh Malaysia untuk memperincikan kertas konsep berkenaan.

Di akhir perbincangan, kedua-dua pihak bersetuju untuk terus bekerjasama erat di dalam membangunkan PEDs Malaysia ke arah agenda pencapaian keterjaminan makanan di rantau ASEAN.

9/8/2024

UTUSAN

DALAM

30

MALAYSIA

NEGERI

Paras air Tasik Bukit Merah meningkat

Oleh WAT KAMAL ABAS
utusannews@mediamula.com.my

BAGAN SERAI: Paras air di Tasik Bukit Merah di sini mencatat kenaikan berikutan hujan selepas tasik itu surut kritikal sejak bulan lalu disebabkan kemarau.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Bukit Merah Laketown Resort mendapati tiada lagi kelihatan tanah dasar tasik seperti sebelum ini sehingga kawasan itu ditumbuhi rumput dan tanahnya merekah.

Di kawasan jeti nelayan darat di Kampung Selamat pula mendapati kawasan itu mula terdapat air selepas sebelum ini kawasan kering itu tinggi kira-kira 1,500 meter ke tengah tasik.

Difahamkan paras bacaan air di tasik itu meningkat daripada 19.85 kaki minggu lalu kepada 21.10 kaki hari ini.

Berikutan kemarau, operasi pembenihan awan dilakukan di sekitar Bukit Merah pada 29 hingga 31 Julai lalu.

Tasik itu mengalami penyusutan air yang kritikal lebih sebulan sehingga menyebabkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kerian terpaksa menghentikan bekalan pengairan kepada pesawah sejak 26 Jun yang lalu.

Pemberhentian bekalan pengairan menyebabkan hampir 5,000 hektar sawah padi di kawasan Bagan Serai terjejas dengan anggaran kerugian bernilai hampir RM7.5 juta melibatkan 2,162 orang pesawah.

Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kerian turut menghantar pam air sebagai saiz untuk mengepam air daripada parti sebagai usaha membantu pesawah yang mengalami masalah sawah yang kering bagi menyelamatkan tanaman mereka.



KEADAAN air di Tasik Bukit Merah semalam yang mencatat peningkatan berikutan hujan sejak beberapa hari lalu di Bagan Serai, Perak. - UTUSAN/WAT KAMAL ABAS

Pada masa yang sama, sebuah resort di tasik itu terpaksa menghentikan semua aktiviti rekreasi yang menggunakan tasik tersebut sehingga paras air pulih sepenuhnya.

Sementara itu, setakat ini JPS Kerian belum mengeluarkan kenyataan sama ada bekalan pengairan ke sawah di sini yang dihentikan lebih sebulan lalu akan disalurkan semula ekoran pertambahan paras air di empangan tersebut.

Tasik Bukit Merah merupakan nadi utama bagi penduduk

Kerian yang mana airnya bukannya sahaja digunakan untuk pengairan sawah dan bekalan domestik tetapi turut digunakan untuk kolam ternakan ikan Arowana dan juga kawasan perindustrian di kamunting.

Dalam perkembangan berkaitan, paras air Taman Tasik Taping di sini yang surut sehingga menampakkan dasarnya berikutan cuaca panas baru-baru ini kini semakin pulih.

Tinjauan mendapati paras air di tasik itu naik sejak beberapa hari lalu dan tidak lagi

kelihatan dasar tasik seperti sebelum ini.

Abli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pokok Assam, Ong Seng Guan berkata, paras air di tasik itu semakin pulih berikutan hujan sejak beberapa hari lalu.

Menurutnya, begitupun paras air di tasik itu belum mencatat kenaikan hingga ke paras normal.

Paras air tasik ini semakin pulih tetapi masih memerlukan dua atau tiga hari hujan lagi untuk kembali mencatat paras normal.

"Air dari bukit berdekatan yang mengalir masuk ke tasik ini membantu menaikkan paras air. Air hujan dari bukit yang masuk ke tasik ini merupakan bekalan utama yang menampung air di tasik ini," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sebelum ini, air tasik itu surut akibat kemarau apabila paras air sungai berdekatan yang menjadi antara sumber air di situ juga didapati menurun dan memberi kesan kepada tahap air di dalam tasik atau kolam di taman itu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/8/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Usaha tanah terbiar dengan aktiviti pertanian

REMBAU: Tanah-tanah terbiar di Negeri Sembilan termasuk tanah adat dan milik agensi kerajaan tertentu akan dimajukan dengan aktiviti pertanian serta penternakan sebagai usaha menambah bekalan makanan dalam negara.

Exco Kanan Kerajaan Negeri Sembilan, Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata, kerajaan negeri komited dalam usaha itu khususnya bagi menyelesaikan masalah tanah adat yang membabitkan urus tadbir berkaitan hal ehwal pusaka.

"Perkara ini sudah dibincangkan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk dapatkan jalan penyelesaian terbaik bagi tanah adat untuk diambil oleh pihak pentadbir tanah daerah. Ia supaya kita dapat mempromudahkan aktiviti pertanian di semua tanah adat ini.

"Selain itu, masih banyak tanah yang dimiliki agensi-agensi tertentu diberikan hak milik yang masih tidak diusahakan. Kerajaan negeri sudah bertemu dengan agensi-agensi ini supaya tanah ini dapat diusahakan segera," katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup negeri berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Program Hari Informasi Pertanian Daerah Rembau Sempena Sambutan Hari Kebesaran Islam Peringkat Daerah Rembau di sini, semalam.

Jalaluddin berkata, proses pengumpulan data membabitkan keluasan sebenar tanah terbiar di setiap daerah di negeri ini sedang dilakukan.

"Tanah untuk tanaman padi sahaja, Negeri Sembilan ada sekitar 1,200 hektar namun hanya 600 hektar diusahakan. Jika kita dapat lipat gandakan usaha memajukan tanah ini, pasti bekalan beras mencukupi buat rakyat di negeri ini," katanya.